

**Kerajaan ingin suara rakyat dijadikan asas kepada Bajet 2016 – Najib**  
**Astro Awani**  
**September 01, 2015**  
**Oleh Kohilah Sekaran**

**Perdana Menteri meminta rakyat Malaysia untuk mengemukakan cadangan mereka di laman mikro #Bajet2016 bagi bersama-sama menyumbang kepada kesejahteraan negara.**

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meminta rakyat Malaysia untuk mengemukakan cadangan mereka di laman mikro #Bajet2016 bagi bersama-sama menyumbang pandangan kepada kesejahteraan negara.

Najib menerusi laman Facebook rasminya berkata Bajet 2016 akan dibentangkan pada bulan Oktober ini, dan seperti tahun-tahun sebelum ini, kerajaan ingin suara rakyat dijadikan asas kepada pembentukan belanjawan negara.

Untuk itu, beliau meminta orang ramai untuk memberikan cadangan mereka di laman mikro #Bajet2016.

"Dalam keadaan ekonomi dunia masa kini, bermakna lebih penting untuk kita mengemukakan belanjawan yang berwawasan tetapi pada masa yang sama munasabah, yang akan dapat menentukan hala tuju dan kepesatan pembangunan negara kita," kata Najib.

Setakat ini, beberapa cadangan awal telah dikemukakan di laman mikro #Bajet2016.

Antaranya ialah membuka dan membina platform yang lebih efektif untuk para graduan, meningkatkan gaji minimum pekerja serta menyediakan pendidikan percuma bagi golongan rakyat yang berjaya dan miskin.

Jika anda mempunyai sebarang cadangan, anda boleh layari laman mikro [#Bajet2016](#).

**© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-ingin-suara-rakyat-dijadikan-asas-kepada-bajet-2016-najib-71799>